

# ANUGERAH Hari Pekerja 2014

Sambutan Hari Pekerja 2014 akan diadakan pada  
3 Mei 2014 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur

## HADIAH KESELURUHAN WANG TUNAI RM135,000 | SIJIL | PIALA

### ANUGERAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI PEKERJA 2014

#### OBJEKTIF

Mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara.

Mengerakkan semangat kerjasama dan permuafakatan secara "tripartisme" antara tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja dalam usaha pembangunan negara.

Pengiktirafan kepada majikan yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat industri yang produktif, bermaklumat, berdisiplin, penyayang serta responsif kepada perubahan persekitaran pekerjaan.

#### ANUGERAH-ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN SERTA HADIAH BERUPA WANG TUNAI, PIALA DAN SIJIL ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- ANUGERAH PERDANA MENTERI UNTUK KECEMERLANGAN SUMBER MANUSIA - RM50,000, PIALA DAN SIJIL.
- TOKOH PEKERJA NEGARA (KUMPULAN EKSEKUTIF) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.
- TOKOH PEKERJA NEGARA (KUMPULAN BUKAN EKSEKUTIF) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.
- TOKOH PEKERJA NEGARA (OKU) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH MAJIKAN 1MALAYSIA (SYARIKAT BESAR) - RM10,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH MAJIKAN 1MALAYSIA (PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH MAJIKAN 1MALAYSIA (GLC) - RM10,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH MAJIKAN BERDAYA SAING GLOKAL - RM15,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH KEPATUHAN INDUSTRI (PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA) - RM10,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH MAJIKAN AGROTEKNOLOGI UNGGUL - RM10,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH KESATUAN SEKERJA HARMONI 1MALAYSIA (SEKTOR AWAM) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.
- ANUGERAH KESATUAN SEKERJA HARMONI 1MALAYSIA (SEKTOR SWASTA) - RM5,000, PIALA DAN SIJIL.

#### INSENTIF

Hadiyah wang tunai, sebuah piala dan sijil kemenangan kepada setiap pemenang mengikut kategori yang dipertandingkan.

Jumlah keseluruhan hadiah wang tunai bernilai RM135,000.00 (Satu Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Ringgit) ditawarkan kepada pemenang anugerah mengikut kategori.

Anugerah paling prestisj dengan jumlah hadiah wang tunai RM50,000.00 (Lima Puluh Riba Ringgit) iaitu Anugerah Perdana Menteri Untuk Kecemerlangan Sumber Manusia.

Senarai nama pemenang-pemenang anugerah akan dipaparkan di dalam akhbar-akhbar utama.

#### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Anugerah Perdana Menteri Untuk Kecemerlangan Sumber Manusia terbuka kepada sektor swasta sahaja dengan **syarat** syarikat hendaklah turut menyertai sekurang-kurangnya salah satu daripada anugerah berikut:

- a. Anugerah Majikan 1Malaysia (Syarikat Besar, GLC, PKS)
- b. Anugerah Majikan Berdaya Saing Glocal
- c. Anugerah Kepatuhan Industri (PKS)
- d. Anugerah Majikan Agroteknologi Unggul

2. Penyertaan bagi kategori Anugerah Majikan 1Malaysia (Perusahaan Kecil Sederhana) dan Anugerah Kepatuhan Industri (Perusahaan Kecil Sederhana) adalah terbuka kepada semua syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut definisi berikut :-

- i. Perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor perlindangan, perkhidmatan berkaitan perlindungan dan industri asas tanah dengan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang atau nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta.
- ii. Perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor perkhidmatan, pertanian asas dan teknologi maklumat & komunikasi dengan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang atau nilai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta.

3. Anugerah yang dipertandingkan bagi kategori Anugerah Majikan 1Malaysia adalah terbuka kepada semua syarikat dalam kategori Syarikat Besar, GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan) dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

4. Penyertaan bagi Anugerah Majikan Berdaya Saing Glocal adalah terbuka kepada semua syarikat tempatan kecuali GLC dan syarikat multinasional.

5. Anugerah Majikan Agroteknologi Unggul berdasarkan Industri Asas Tanah, pertanian, tembakau dan perladangan yang menggunakan teknologi terkini, terbuka kepada semua syarikat tempatan termasuk GLC dan syarikat multinasional.

6. Anugerah Kesatuan Sekerja Harmoni 1Malaysia (Sektor Awam dan Sektor Swasta) adalah terbuka kepada Kesatuan Sekerja Sektor Awam dan Sektor Swasta.

7. Penyertaan bagi Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif, Bukan Eksekutif dan OKU) adalah dicalonkan oleh majikan / syarikat masing-masing.

8. Penyertaan dalam lebih dari satu anugerah adalah dibenarkan.

9. Semua penerima anugerah pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah tidak layak untuk menyertai anugerah ini.

Borang Penyertaan boleh dimuat turun melalui laman web pada **10 Mac 2014** :-

- <http://www.perkeso.gov.my>
- <http://www.mohr.gov.my>
- <http://www.mef.org.my>
- <http://www.fmm.org.my>

Sebauh borang penyertaan perlu dikembalikan kepada ursutis pada atau sebelum **4 April 2014** melalui alamat seperti berikut:

Urusutis Jawatankuasa Perbadanan  
Pertandingan Anugerah Hari Pekerja 2014

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Bahagian Khidmat Pengurusan

Tingkat 11, Menara PERKESO

281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

Rosnita 03 4264 5041, Emel : [rosnita.yatim@perkeso.gov.my](mailto:rosnita.yatim@perkeso.gov.my),

Nurul Jannah 03 4264 5040, Emel : [jannah.zahari@perkeso.gov.my](mailto:jannah.zahari@perkeso.gov.my)



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA



Rajah Dikemukakan  
Persempena Dikemukakan



PERKESO